



SIARAN MEDIA
BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI

**PENGUATKUASAAN AKTA KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2025
DAN AKTA KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2025
BERKAITAN BULI SIBER**

PUTRAJAYA, 11 Julai 2025 – Dalam usaha berterusan Kerajaan MADANI memperkukuh sistem perundangan negara supaya seiring dengan keperluan semasa serta cabaran baharu dalam landskap jenayah moden, adalah dimaklumkan bahawa Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2025 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2025 akan mula berkuat kuasa secara rasmi pada 11 Julai 2025.

Kedua-dua akta ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 10 Disember 2024 dan di Dewan Negara pada 16 Disember 2024 dengan sokongan majoriti ahli Parlimen. Pindaan ini khusus bertujuan menangani isu buli dengan lebih efektif dan menyeluruh, termasuk buli secara fizikal serta buli siber. Ia memperkenalkan peruntukan khusus yang membolehkan tindakan undang-undang yang lebih tegas terhadap pelaku buli, selaras dengan komitmen kerajaan untuk melindungi masyarakat terutamanya golongan rentan seperti kanak-kanak, remaja, serta individu yang mengalami tekanan mental akibat gangguan buli.

Dalam konteks ini, pindaan memperkenalkan seksyen-seksyen baharu seperti Seksyen 507B hingga 507G, yang secara spesifik memperuntukkan hukuman yang setimpal bagi kesalahan berkaitan komunikasi mengancam,

menghina atau mencela yang bertujuan menyebabkan gangguan emosi atau ketakutan kepada mangsa. Tambahan lagi, pindaan ini turut merangkumi kesalahan berkaitan penyebaran maklumat peribadi tanpa izin atau "*doxing*", yang kini diklasifikasikan sebagai jenayah serius dan boleh membawa hukuman penjara sehingga tiga tahun.

Pengenalan peruntukan khusus ini adalah hasil penelitian terhadap kelemahan dalam undang-undang sedia ada yang didapati tidak mencukupi untuk menangani pelbagai bentuk ancaman psikologi dan emosi, terutamanya dalam persekitaran digital yang semakin mencabar.

Pelaksanaan kedua-dua akta ini turut bertujuan memperkemarkan prosedur perundangan, meningkatkan kecekapan proses keadilan jenayah, dan memberi ruang kepada tindakan yang lebih pantas serta tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang. Kerajaan juga akan terus memastikan bahawa penguatkuasaan undang-undang ini dilakukan secara adil dan saksama, tanpa menjejaskan hak kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perlembagaan.

Dengan pelaksanaan akta ini, Kerajaan MADANI terus komited untuk memastikan undang-undang negara kekal relevan dan responsif terhadap cabaran dunia digital semasa, demi keselamatan, kesejahteraan serta keadilan kepada seluruh rakyat Malaysia.

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
JABATAN PERDANA MENTERI
11 JULAI 2025

